



Warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas, terdiri daripada **Anak Negeri Selangor** yang berkelayakan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:-

- (a) **JAWATAN** : Juruaudio Visual Gred N19
(b) **JABATAN** : Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor
(c) **TARAF JAWATAN** : Tetap
(d) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : Kumpulan Pelaksana
(e) **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : Pentadbiran dan Sokongan
(f) **TARIKH TUTUP PERMOHONAN** : **01 Mei 2022**
(g) **JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM:** :

GREDE GAJI	MINIMUM (RM)	MAKSIMUM (RM)	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
N19	1,352.00	4,003.00	100.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
GRED N19 [Gaji Permulaan : RM1,352.00]; atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
GRED N19 [Gaji Permulaan : RM1,408.40]; atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
GRED N19 [Gaji Permulaan : RM1,464.80].
 - dan (d) Memiliki lesen memandu Kelas D yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)].

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

3. Bertanggungjawab mengendalikan pemasangan alat audio visual, memberi khidmat kemudahan alat siar raya dan peralatan audio visual kepada Pegawai Pengembangan, menjalankan kerja post production dan salinan koleksi bahan media, menjalankan kerja penyediaan bahan pameran dan menyelenggarakan peralatan alat audio visual.